



KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA,
KELUARGA DAN MASYARAKAT

SIARAN MEDIA

MAJLIS RAMAH MESRA BERSAMA KOMUNITI PERWANI PARIS

PARIS, 12 NOVEMBER- Satu majlis perjumpaan bersama Komuniti PERWANI Paris bersama YB Dato' Sri Rohani Abdul Karim, Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat telah diadakan di rumah Pengerusi PERWANI Perwakilan Paris.

Majlis ini merupakan perjumpaan antara YB Menteri dan Komuniti PERWANI Paris yang telah ditubuhkan pada 16 September 2016 yang lalu. Perjumpaan ini dihadiri oleh 40 orang diaspora dan pelajar Malaysia termasuk pegawai dan kakitangan Kedutaan Besar Malaysia di Paris, Perancis. Ianya juga merupakan salah satu program dalam rangka lawatan kerja YB Menteri ke Paris bagi menghadiri Majlis Antara Kerajaan bagi Pengurusan Program Transformasi Sosial (MOST IGC) UNESCO di Paris yang berlangsung dari 7 hingga 11 November 2017.

YB Dato' Sri Rohani dalam ucapan beliau berkata **“Komuniti PERWANI Paris begitu aktif menjalankan pelbagai aktiviti semenjak penubuhannya dengan mengadakan pelbagai aktiviti bermanfaat seperti aktiviti riadah, kelas bantuan kecemasan, majlis khatam Al-Quran dan sebagainya yang secara tidak langsung dapat merapatkan hubungan silaturahim di antara rakyat Malaysia yang berada di Paris. PERWANI secara kolektifnya mampu berbangga kerana telah banyak membantu usaha-usaha Kerajaan dalam memperdanakan wanita dalam arus pembangunan negara di samping memperkukuhkan institusi kekeluargaan.**

Beliau turut berharap agar Komuniti PERWANI Paris dapat membantu dalam mengembangkan ahli PERWANI di seluruh Paris terutama kepada para belia dan pelajar untuk memupuk sifat sukarelawan dan memberi peluang kepada mereka

untuk bertindak sebagai agen transformasi di peringkat komuniti walaupun berada jauh di perantauan.

Majlis pelancaran ini turut dihadiri oleh pegawai-pegawai wanita dan isteri perwakilan di Kedutaan Besar Malaysia Paris serta delegasi daripada Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat.

Disediakan oleh:

Jabatan Pembangunan Wanita (JPW)
Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat
Aras 25, Persiaran Perdana
PUTRAJAYA
Tel: 03-8323 1885 E-mel: media@jpw.gov.my